

BAB 6

CADANGAN DAN RUMUSAN

6.1 PENGENALAN

Perkembangan dunia masa kini mendedahkan bahawa teknologi maklumat dan komunikasi menguasai pelbagai bidang dan organisasi antaranya perpustakaan. Ini dapat dilihat dengan kewujudan dan penyediaan sumber maklumat elektronik dalam perkhidmatan perpustakaan. Perkhidmatan sumber maklumat elektronik dalam perpustakaan akan berkembang dan meningkat dengan lebih pesat dan canggih. Namun, pihak perpustakaan perlu melihat pelbagai aspek dan isu tertentu dalam penyediaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan. Antaranya isu penggunaan, keperluan, kaedah penggunaan, dan kepentingan sumber maklumat elektronik kepada pengguna.

6.2 CADANGAN

Hasil kajian ini telah membolehkan penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak perpustakaan HUKM berdasarkan soal selidik dan penemuan yang dikemukakan dalam kajian ini. Cadangan dan saranan yang diberikan ini bertujuan agar pihak perpustakaan dapat melihat beberapa isu yang berkaitan untuk meningkatkan perkhidmatan sumber maklumat elektronik di perpustakaan.

6.2.1 Bengkel dan Taklimat Penggunaan Sumber Elektronik

Hasil penemuan menunjukkan bahawa pihak perpustakaan perlu menyediakan program berkaitan penggunaan sumber maklumat elektronik seperti bengkel dan taklimat penggunaan pangkalan data *OVID/MEDLINE* dan pangkalan data lain seperti *Proquest* dan *MD-Consult*. Program ini boleh dijalankan secara berstruktur dan berjadual khusus untuk pelajar Fakulti Perubatan UKM. Disamping itu, pihak perpustakaan seharusnya

memberikan program ini secara berterusan dan tidak terhad semasa Program Induksi atau Program Orientasi Perpustakaan pelajar baru. Program tersebut perlu meliputi kaedah pencarian maklumat dan penggunaan sumber maklumat elektronik secara lebih mendalam dan menyeluruh. Program seperti bengkel dan taklimat ini penting supaya pelajar dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan kaedah pencarian maklumat yang lebih berkesan apabila menggunakan sumber maklumat elektronik. Dengan itu, ia dapat membantu pelajar dalam menjalankan proses pembelajaran dan penyelidikan mereka dengan lebih efektif dan efisien

6.2.2 Peningkatan Promosi dan Galakan Penggunaan Sumber Elektronik

Kajian ini juga menunjukkan masih ramai pelajar Fakulti Perubatan yang tidak menggunakan sumber elektronik bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan mereka. Disamping itu, kekerapan penggunaan sumber maklumat elektronik dikalangan pelajar juga adalah rendah berdasarkan jumlah kekerapan penggunaan setiap hari (3.3 %) berbanding kekerapan seminggu sekali (24 %) dan sebulan sekali (31.4 %). Oleh itu, perpustakaan perlu mempertingkatkan promosi dan galakan bagi penggunaan sumber elektronik yang disediakan di Perpustakaan HUKM. Program galakan ini boleh dilaksanakan dengan mengadakan taklimat dan bengkel yang mendedahkan penggunaan dan kelebihan sumber elektronik kepada pelajar Fakulti Perubatan.

Selain daripada itu, perpustakaan juga perlu menyediakan risalah, poster dan buku panduan tentang sumber maklumat elektronik Perpustakaan HUKM. Risalah dan buku panduan tersebut seharusnya menekankan kelebihan dan kepentingan sumber elektronik kepada proses pembelajaran dan pengajaran pelajar. Risalah dan buku panduan ini juga perlu diedarkan dan disebarluaskan di Fakulti Perubatan. Disamping itu, perpustakaan juga

perlu bekerjasama dengan pensyarah dan fakulti untuk menggalakkan serta mempromosikan penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar. Galakan daripada pensyarah adalah penting memandangkan pensyarah mengetahui keperluan pembelajaran dan penyelidikan pelajar. Justeru, perpustakaan juga perlu mempromosi sumber elektronik kepada pensyarah dengan mengadakan taklimat dan bengkel kepada pensyarah terlebih dahulu. Perpustakaan perlu menjelaskan kepada pensyarah tentang kepentingan dan kelebihan sumber maklumat elektronik kepada proses pembelajaran dan penyelidikan pelajar.

6.2.3 Penyediaan Panduan Penggunaan dan Kaedah Pencarian Maklumat dalam penggunaan Sumber Elektronik

Hasil kajian menunjukkan masih ramai pelajar Fakulti Perubatan yang tidak mengetahui kaedah pencarian maklumat yang spesifik dan lebih efektif seperti kaedah pencarian Boolean dan “truncation”. Oleh itu, pihak perpustakaan perlu menyediakan panduan dan risalah berkaitan kaedah pencarian maklumat yang efektif dan berkesan seperti mendedahkan pelajar kepada kaedah pencarian lain selain daripada kaedah pencarian asas. Panduan itu boleh disediakan dalam bentuk bercetak seperti risalah, poster, buku panduan atau bentuk atas talian dengan menerbitkan di laman web atau Portal Perpustakaan.

6.2.4 Kakitangan Profesional

Selain daripada itu, perpustakaan juga perlu menyediakan kakitangan professional yang mahir dan berpengetahuan mendalam dengan sumber maklumat elektronik serta ilmu yang berkaitan. Oleh itu, program latihan dan kursus berkaitan sumber maklumat elektronik perlu diberikan kepada pustakawan dan kakitangan sokongan. Program latihan dan kursus boleh diperolehi daripada pelbagai badan professional seperti Persatuan Pustakawan Malaysia atau daripada pembekal sumber elektronik seperti Access Dunia dan Elsevier. Mereka boleh mengadakan latihan dan memberi taklimat berkaitan penggunaan pangkalan data dan kaedah pencarian maklumat yang efektif dan berkesan. Dengan demikian, latihan tersebut akan dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan perpustakaan mengenai sumber maklumat elektronik seterusnya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

6.2.5 Peningkatan Perkhidmatan dan Kemudahan Sumber Maklumat Elektronik

Penyelidik juga mencadangkan agar perpustakaan dapat mempertingkatkan perkhidmatan dan kemudahan sumber maklumat elektronik berdasarkan teknologi terkini. Inisiatif perpustakaan meningkatkan perkhidmatan Pustaka Maya kepada Portal Perpustakaan merupakan langkah bijak dalam menyediakan perkhidmatan sumber elektronik yang lebih efektif dan efisien kepada pelajar. Portal perpustakaan ini dapat membantu pelajar mengakses maklumat dengan lebih mudah dan berkesan. Justeru, perpustakaan dicadangkan mempromosikan perkhidmatan portal ini dengan lebih meluas lagi kepada pelajar.

Di samping itu, penyelidik juga mencadangkan pihak perpustakaan menyediakan perkhidmatan rujukan atas talian secara interaktif yang dapat memberikan perkhidmatan

pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan menggunakan Portal Perpustakaan HUKM. Dengan demikian, pelajar boleh memohon perkhidmatan rujukan seperti memberikan pertanyaan rujukan dan mendapatkan sumber maklumat yang tepat secara lebih berkesan dan mudah sepanjang masa. Perkhidmatan secara interaktif ini dapat meningkatkan imej dan kualiti perpustakaan demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelajar Fakulti Perubatan

6.3 Cadangan untuk penyelidikan akan datang

Beberapa cadangan untuk penyelidikan akan dating berupaya dihasilkan daripada kajian ini. Cadangan ini boleh dijadikan panduan bagi kajian berkaitan dengan sumber maklumat elektronik di perpustakaan.

- a. Kajian ini yang tertumpu kepada penggunaan sumber maklumat elektronik bagi pelajar Fakulti Perubatan UKM sahaja. Dicadangkan agar kajian akan datang tidak bertumpu kepada pelajar sahaja tetapi skop responden dikembangkan kepada pengamal dan pakar perubatan serta pelajar daripada fakulti lain seperti Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu dan Fakulti Kejuruteraan.
- b. Selain daripada itu, kajian penggunaan sumber maklumat elektronik ini dijalankan di Perpustakaan Hospital UKM. Justeru, kajian perlu dijalankan di perpustakaan lain seperti di Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM Bangi bagi melihat penemuan terkini berkaitan penggunaan sumber elektronik di perpustakaan tersebut yang boleh dijadikan perbandingan dengan kajian ini. Kajian yang berbentuk perbandingan penggunaan sumber maklumat elektronik juga perlu diadakan bagi melihat perbandingan penemuan contohnya perbandingan

penggunaan sumber maklumat elektronik antara dua perpustakaan atau perbandingan penggunaan sumber maklumat elektronik antara dua fakulti.

- c. Dicadangkan agar topik kajian yang memberikan tumpuan yang khusus kepada penggunaan satu-satu pangkalan data seperti kajian penggunaan pangkalan data *OVID/MEDLINE* atau kajian penggunaan pangkalan data Proquest. Kajian ini membolehkan penyelidik dan perpustakaan khususnya mengenalpasti kekuatan dan kelemahan satu-satu pangkalan data atau sumber elektronik.

6.4 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan dan kekerapan penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan para pelajar Fakulti Perubatan UKM tahun tiga hingga lima adalah ditahap yang sederhana. Tahap penggunaan ini disebabkan beberapa faktor. Oleh itu, perpustakaan perlu melihat apakah faktor yang menyebabkan kewujudan senario tersebut dan mencari inisiatif untuk menggalakkan penggunaan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan HUKM.

Di samping itu, kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang menggalakkan penggunaan sumber maklumat elektronik adalah kerana ianya menyediakan sistem pencarian maklumat yang mudah. Kenyataan ini disokong dengan penemuan kajian yang menunjukkan bahawa antara sumber maklumat elektronik yang kerap dan utama digunakan adalah pangkalan data teks penuh *OVID/MEDLINE* dan sumber maklumat elektronik berdasarkan web. Kekerapan penggunaan pangkalan data ini adalah kerana ciri-cirinya yang menyediakan sistem pencarian maklumat yang mudah difahami dan digunakan. Oleh itu, pihak perpustakaan perlu memastikan sumber maklumat elektronik

yang disediakan ada menyediakan sistem pencarian maklumat yang mudah bagi menggalakkan penggunaannya di kalangan pelajar.

Strategi dan kaedah pencarian maklumat merupakan satu cara yang penting bagi mengakses maklumat berdasarkan kehendak pengguna dengan cepat dan tepat. Namun, kajian menunjukkan pelajar Fakulti Perubatan UKM mengamalkan kaedah pencarian maklumat yang terhad dan tidak efektif. Oleh itu, perpustakaan perlu menyediakan satu program khusus yang dapat memberikan tunjukajar berkaitan kaedah pencarian maklumat menggunakan sumber maklumat elektronik kepada pelajar.

Secara amnya, kajian ini dapat merumuskan bahawa sumber maklumat elektronik merupakan satu sumber maklumat yang penting kepada proses pembelajaran dan pengajaran pelajar. Kepentingan sumber maklumat elektronik ini adalah kerana ianya dapat menyediakan sumber maklumat berbentuk teks penuh kepada pelajar. Sumber ini memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan mereka kerana ianya menyediakan maklumat terkini dan komprehensif berdasarkan kehendak mereka. Dengan demikian, inisiatif perpustakaan HUKM dalam penyediaan sumber maklumat elektronik merupakan satu langkah bijak dan penting bagi menyebarluaskan maklumat berkualiti kepada para pelajar Fakulti Perubatan UKM.